

BHARIAN 17/9/2017 MS 9

Ladang padi organik jadi pusat pengajian pertanian

Sik: Usaha seorang pesawah yang mengerjakan tanaman padi organik di Belantik, di sini sejak 10 tahun lalu mendapat pengiktirafan pelbagai pihak sehingga ladangnya bakal dijadikan sebagai institusi pengajian pertanian organik.

Zakaria Kamantasha, 53, berkata pelan itu berteraskan kerjasama terbaru membabitkan kerajaan negeri, Perbadanan Menteri Besar Kedah (MBI), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir (IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM).

Katanya, pusat pengajian berkenaan yang akan dinamakan sebagai Institut Pengurusan Pertanian Organik Bersepadu (INS-PEK) dijangka bakal dibangunkan dalam masa terdekat.

"Sebagai permulaan, pengambil pelajar adalah seramai 20 orang terdiri daripada remaja lepasan sekolah dari Sik yang berminat dalam bidang pertanian.

"Mereka akan diajar teknik dan cara bertani secara organik bermula daripada proses menanam hingga menuai.

"Tenaga pengajar akan membimbing pelajar menghasilkan baja dan racun menggunakan bahan semula jadi seperti kangkung, telur, nanas, pisang dan susu," katanya ketika ditemui di Sri Lovely



Sebahagian sukarelawan luar negara yang menyertai program di Sri Lovely Organik Farm di Kampung Lintang, Belantik, Sik. (Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

Organik Farm, Kampung Lintang, di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kaedah penanaman padi organik berbeza kerana ia membabitkan beberapa prinsip unik seperti penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengairan tanpa membunuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Prinsip yang dipraktikkan membuahkan hasil, malah beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa menjejaskan alam sekitar.

"Selain itu, ladang ini turut mendapat perhatian pengkaji, pelajar dan pengunjung dari seluruh dunia, antaranya Belgi-

um, Perancis, United Kingdom, Itali, Arab Saudi, Jepun, Australia dan Singapura.

"Kebanyakannya sanggup menjadi sukarelawan dan bekerja sebagai petani untuk mempelajari teknik tanaman yang bakal dipraktikkan di negara mereka nanti," katanya.

Sukarelawan dari Jepun, Chi-



Prinsip yang dipraktikkan membuahkan hasil, malah beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa jejkaskan alam sekitar.

Zakaria Kamantasha, Pengusaha padi organik

kako Matsumi, 29, berkata dia sudah tinggal di Jadang berkenaan sejak dua bulan lalu dan mempelajari teknik menanam padi organik.

"Kemahiran mencedung serta melandak sudah dikuasai dan saya harap dapat mempelajari cara menuai padi pula selepas ini," katanya.